

# Masalah KL, Jakarta diatasi tanpa pihak ketiga

8 NOV 1999

Oleh AZNAN BAKAR

KUALA LUMPUR 7 Nov. — Semua masalah yang dihadapi antara Malaysia dan Indonesia akan diselesaikan melalui rundingan tanpa melibatkan pihak ketiga, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu dicapai sewaktu beliau mengadakan pertemuan dengan Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid, semalam.

“Kita berpendapat segala masalah yang timbul perlu diselesaikan melalui rundingan,” katanya kepada pemberita ketika ditemui pada majlis rumah terbuka Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu sempena hari Deepavali di sini hari ini.

Antara masalah dua hala yang dihadapi oleh kedua-dua negara sekarang ialah tuntutan bertindih terhadap Kepulauan Ligitan dan Sipadan.

Mengenai lawatan Abdurrahman itu, Perdana Menteri berkata, ia merupakan asas untuk mengetahui sikap dan dasar pemerintahan baru Indonesia itu.

Bagaimanapun kata Dr. Mahathir, dari segi hubungan dua hala tidak ada banyak perubahan.

Presiden Indonesia itu tiba di negara ini semalam untuk lawatan rasmi dua hari sebelum berlepas ke Myanmar hari ini.

Pada masa yang sama, kata Dr. Mahathir, Malaysia juga akan memberikan kredit beras

kepada Indonesia bagi membantu negara jiran itu.

Katanya, walaupun sebelum ini kerajaan telah meluluskan kredit tersebut tetapi ia masih belum mencukupi.

“Kita sudah memberikan kredit untuk membekalkan beras kepada mereka, malah, satu penghantaran bernilai RM190 juta telah dibuat.

“Tetapi mereka mahu lebih lagi, jadi kita akan memberikan lebih kredit kepada mereka, sekadar untuk membantu jiran kita,” katanya.

Semalam, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Indonesia memohon untuk mendapatkan kredit beras

■ Lihat muka 4

## Masalah KL, Jakarta diatasi tanpa pihak ketiga

8 NOV 1999

bernilai RM380 juta selepas Kuala Lumpur menyediakan kredit beras bernilai RM380 juta sebelum ini.

Syed Hamid berkata demikian selepas mengiringi Dr. Mahathir yang mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid semalam.

Mengenai permintaan daripada kerajaan Indonesia

supaya Malaysia mengambil lebih ramai pekerja dari negara itu bagi membantu mengatasi masalah pengangguran mereka, Dr. Mahathir berkata, ia bergantung kepada keperluan.

“Kalau perlu kita akan ambil, sekarang ini masih cukup,” jelasnya.